

Lima negeri *hotspot* guna bubu naga

EKSKLUSIF

Penggunaan secara berleluasa mengancam banyak hidupan laut, sungai

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI SHAH ALAM



Penggunaan bubu naga dilarang untuk penangkapan ikan kerana mengakibatkan kerosakan serius kepada ekosistem sungai dan laut.



Jabatan Perikanan mengesan penggunaan bubu naga di perairan Selangor, pada tahun ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengenal pasti lima negeri di pantai barat Semenanjung sebagai lokasi panas penggunaan haram bubu naga atau bubu kamban.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd Sufian Sulaiman berkata, lima negeri itu adalah Johor (Pontian, Batu Pahat dan Muar), Selangor (Tanjung Karang, Sekinchan dan Sabak Bernam), Perak (Bagan Datuk, Lekir, Manjung hingga Kerian), Kedah (Kuala Kedah) dan Pulau Pinang (Seberang Perai).

Selain itu, menurut beliau, DOF turut menerima maklumat bubu naga sudah mula di...

bersaah serta letupan dan racun.

"Bubu naga ini biasanya diletakkan di kawasan muara sungai antara 0.5 batu nautika hingga lima batu nautika kerana kawasan ini merupakan tempat pembiakan ikan di mana di sinilah ikan bertelur dan membiak dengan kebanyakannya anak ikan, udang dan ketam.

"Bubu naga akan memerangkap sumber ini dan jika dibiarkan, sumber itu akan berkurangan hingga anak-anak hidupan laut dan sungai tidak sempat membesar.

"Kita (DOF) mendapati pe...



Statistik senarai kes kesalahan bagi tempoh 2020 hingga Jun 2022
Jumlah kes - 2,386
Kompaun - RM3.03 juta
Tangkapan - 6,031 orang
Lelong - RM523,931

Antara kes adalah langgar syarat lesen, penggunaan peralatan yang dilarang dan pencerobohan kawasan yang tidak dibenarkan
(A) Tahun 2022 (Jan-Jun)
Kes - 423
Kompaun - RM351,850
Tangkapan - 1,112 orang

bubu naga sudah mula digunakan di Kelantan membabitkan daerah Kota Bharu dan Tumpat.

"Kita klasifikasikan lokasi ini sebagai *hotspot* disebabkan ia merupakan kawasan pembiakan ikan selain dikatakan sesuai untuk melabuhkan bubu naga dengan kedalaman 0.5 meter hingga dua meter.

"Bubu naga yang sering digunakan adalah sepanjang kira-kira 10 meter dengan 12 hingga 15 injap," katanya dalam wawancara eksklusif kepada *Sinar Harian* di Ibu Pejabat DOF Putrajaya, baru-baru ini.

Jelas beliau, bubu naga antara kaedah penangkapan hasil laut yang dilarang selain pukut tunda dua bot, pukut sorong, renjatan elektrik, pukut hanyut, pukut insang dan lain-lain pukut yang menyerupainya dengan mata pukut melebihi 10 inci secara berhanyut atau

main atau pengusaha yang menggunakan bubu naga ini akan melabuhkan bubu itu pada waktu petang sebelum ditinggalkan semalaman," katanya.

Mohd Sufian menambah, hasil tangkapan dengan penggunaan bubu naga dikatakan sekitar RM150 hingga RM250 melibatkan pelbagai hidupan laut termasuk anak-anak ikan seperti gelama, duri, ikan sebah, kerapu, pari, tamban selain anak ketam, udang, siput, belangkas dan udang lipan.

Beliau memberitahu, penggunaan bubu naga akan menimbulkan konflik antara nelayan pukut hanyut berlesen dan berdasarkan kajian DOF, ia adalah satu peralatan yang bukan mesra sumber kerana segala sumber hasil laut boleh terperangkap.

MOHD SUFIAN

Maritim Malaysia turut bekerjasama bagi memberantas penggunaan bubu naga.

"Hasil ikan yang ditangkap melalui bubu naga adalah kecil dan nilainya jauh berbeza dengan ikan yang lebih besar dan dari segi kesan ke atas sumber dan ekosistem kawasan itu, *life cycle* ke atas spesies bila bertelur dan membesar.

"Apabila ditangkap, ia akan jeaskan ekosistem berbanding penggunaan peralatan yang dibenarkan kerana ia lebih selektif dan tidak melibatkan anak-anak ikan," jelasnya.

Bubu naga mudah dibeli

Menurut Mohd Sufian, DOF mengesan aktiviti penjualan bubu naga di premis dan medium dalam talian.

"Bubu naga boleh diperolehi dengan harga sekitar RM70 hingga RM100 bagi satu set. Ia memberi peluang untuk mereka yang tidak bertanggungjawab untuk memilikinya kerana mudah dibeli di kedai dan medium dalam talian.

"Kita telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi

Antara spesies anak ikan yang ditangkap hasil penggunaan bubu naga yang dilarang.

membincangkan cara menghalang penjualan bubu naga selain menguarakan di media massa berkenaan larangan ini.

"Perbincangan dengan KPDNHEP ini berkisar kepada aktiviti penjualan itu dan mereka telah mencadangkan agar barangan itu dimasukkan di dalam senarai barangan atau peralatan dilarang," ujarnya.

Tambah beliau, selain itu, DOF turut bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membuat kawalan, tindakan dan memantau kawasan yang sering bubu naga dilabuhkan.

Jeti nelayan dipantau

Jelas beliau, selain pengawasan di laut, DOF turut memantau jeti-jeti dan pangkalan nelayan kerana ada segelintir nelayan menggunakan bubu naga sekiranya tidak turun ke laut.

"Ada juga nelayan yang hendak mudah mendapatkan hasil, mereka gunakan bubu naga. Ada sebahagiannya bukan nelayan

tangkapan - 7,112 orang
Lelong - RM71,975

(B) Tahun 2021

Kes - 877
Kompaun - RM1,69 juta
Tangkapan - 2,299 orang
Lelong - RM253,745

(C) Tahun 2020

Kes - 1,086
Kompaun - RM981,900
Tangkapan - 2,620 orang
Lelong - RM198,211

dan hanya kerja sampingan.

"Sekiranya dikesan, tindakan rampasan serta penahanan akan dibuat mengikut Seksyen 11(3) Akta Perikanan 1985," katanya.

DOF, menurut beliau, turut bekerjasama dengan komuniti di kawasan tertentu untuk memberi maklumat bagi tindakan operasi.

"Jabatan Perikanan amat memerlukan bantuan komuniti setempat untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara sumber perikanan dalam membasmi kaedah penangkapan ikan yang dilarang.

"Sebarang maklumat boleh disalurkan kepada Pangkalan Perlindungan Sumber Perikanan/ Taman Laut yang terdekat atau melalui FISHCOM Putrajaya di talian 03-88704058 atau *Hotline* 03-88885019 atau emel *fishcom@dof.gov.my*," jelasnya.